

BAB 5 : Kesimpulan

5.0 Kesimpulan

Bahasa ibunda komuniti Cina Peranakan Kelantan adalah satu versi bahasa Cina yang terhasil daripada asimilasi dan akulturasi yang berlaku dalam jangka masa yang lama. Hal ini dapat dilihat daripada hasil kajian. Pengkaji dapat membentuk satu gambaran yang jelas tentang perlakuan berbahasa yang sedang berlaku di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan. Bahasa ahli-ahli komuniti ini merupakan satu kombinasi pelbagai bahasa khususnya bahasa Melayu dialek Kelantan, bahasa Thai dialek Kelantan, bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa ini telah bercampur dengan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Hokkien. Oleh sebab terdapatnya bahasa-bahasa tersebut dalam bahasa ibunda mereka, maka wujudlah satu versi bahasa Hokkien yang hanya dapat difahami oleh ahli-ahli komuniti ini sahaja. Bahasa Hokkien Cina Peranakan ini memang berlainan sekali dengan bahasa Hokkien baku baik dari segi struktur mahupun dari segi fonetiknya. Unsur-unsur bahasa lain yang digunakan dalam bahasa ibunda mereka telah menyebabkan bahasa ini sukar difahami oleh penutur natif bahasa Hokkien dari negeri-negeri lain.

Umumnya perlakuan berbahasa ibunda komuniti ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang berlainan sifatnya, iaitu fenomena pengalihan kod dan fenomena percampuran kod. Pengalihan kod yang berlaku di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan ini berasaskan klausa atau ayat yang terdiri daripada dua jenis bahasa yang berlainan serta wujud dalam keadaan berurutan atau bersisian antara satu sama lain. Percampuran ini juga mestilah berada dalam satu ujaran yang sama atau dalam satu perbualan yang sama dan

tentang peristiwa yang sama. Percampuran kod yang berlaku di kalangan komuniti yang sama juga berasaskan kepada perkataan atau frasa yang berasal daripada dua atau lebih jenis bahasa yang berlainan dan telah bercampur-aduk tanpa mengikut posisi yang tertentu. Percampuran ini juga mestilah wujud dalam satu klausa atau ayat yang sama dalam sesuatu pertuturan atau lakuan berbahasa.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kadar peratusan bagi fenomena percampuran kod di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan mengatasi fenomena pengalihan kod. Ini membuktikan bahawa ahli-ahli komuniti ini lebih suka melakukan percampuran kod dalam perlakuan berbahasa mereka berbanding dengan pengalihan kod. Fenomena ini berlaku kerana percampuran kod berlaku tanpa dihalang oleh faktor jantina, umur dan pendidikan. Kebenaran kenyataan ini telah dibukti oleh data-data linguistik yang dikumpul oleh pengkaji semasa menjalankan kerja lapangan. Perlakuan percampuran kod ini telah dilakukan oleh responden lelaki dan perempuan yang berada dalam pelbagai kategori umur sama ada berpendidikan ataupun buta huruf.

Angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan hanya berperanan sebagai penentu jenis bahasa yang terdapat dalam percampuran kod yang wujud dalam perlakuan berbahasa di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan. Lakuan percampuran kod di kalangan komuniti ini dapat dibahagikan kepada empat jenis mengikut jenis bahasa yang terdapat dalam sesuatu percampuran kod itu sendiri.

Lakuan pengalihan kod yang terdapat di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan

ini juga dipengaruhi oleh angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan. Ini bermakna pengalihan kod tidak berlaku secara bebas di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan.

Komponen-komponen bahasa lain yang terdapat dalam perlakuan berbahasa di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan ketika berlakunya pengalihan kod dan percampuran kod terdiri daripada bahasa Melayu dialek Kelantan, bahasa Thai dialek Kelantan, bahasa Mandarin, dan bahasa Inggeris. Antaranya, bahasa Melayu dialek Kelantan dan bahasa Thai dialek Kelantan merupakan dua komponen bahasa yang paling dominan dan signifikan. Dalam kebanyakan perbualan mereka, sama ada dalam konteks formal atau tidak formal, penggunaan bahasa Melayu dialek Kelantan dan bahasa Thai dialek Kelantan sering wujud bersisian atau bersilih ganti dalam struktur ayat bahasa ibunda mereka. Ini kerana mereka telah banyak dan lama terdedah kepada budaya Melayu Kelantan dan bahasa Thai Kelantan. Pergaulan yang mesra antara orang-orang Cina Peranakan Kelantan dengan orang-orang Melayu Kelantan dan orang-orang Thai telah lama wujud di Kelantan. Robert L. Winzeler dalam kajiannya ke atas komuniti Cina Peranakan Kelantan juga telah mendapati fenomena ini berlaku (Robert L. Winzeler, 1974 : 50). Pergaulan dan interaksi yang sedemikian telah menyebabkan komuniti Cina Peranakan Kelantan ini lebih suka mengguna atau meminjam kata-kata daripada bahasa Melayu dialek Kelantan dan bahasa Thai dialek Kelantan untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

5.1. Implikasi Kajian

Implikasi daripada hasil kajian ini ialah pengkaji telah mendapati bahawa lakuan pengalihan kod dan percampuran kod yang wujud di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan ini akan berterusan. Ini kerana lakuan pengalihan kod dan percampuran kod yang berlaku dalam komuniti tersebut bukan sahaja wujud dalam perlakuan berbahasa generasi tua, tetapi juga wujud dalam pertuturan generasi muda semasa mereka berkomunikasi dan berinteraksi. Malahan hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa kaum perempuan generasi muda lebih suka melakukan pengalihan kod dalam interaksi mereka berbanding dengan generasi tua. Ini kerana melalui hasil kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa generasi muda bukan sahaja melakukan pengalihan kod sesama penutur yang sama kategori umur dengan mereka, tetapi juga melakukan percampuran kod semasa bertutur dengan generasi tua.

Daripada hasil kajian ini, pengkaji mendapati bahawa lakuan pengalihan kod dan percampuran kod yang wujud dalam komuniti ini bukan hanya melibatkan bahasa Melayu Kelantan sahaja, tetapi pemilihan jenis bahasanya adalah lebih daripada satu. Bagi golongan yang menerima taraf pendidikan yang lebih tinggi iaitu sekolah menengah hingga ke universiti, fenomena percampuran kod dengan bahasa Inggeris nyata sekali. Ini kerana pada tanggapan umum, bahawa bahasa Inggeris adalah bentuk prestij dan ukuran taraf pendidikan atau status sosial seseorang. Hal ini amat ketara dalam generasi muda yang telah terdedah kepada pendidikan formal yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin selain daripada bahasa Malaysia. Mereka yang berpendidikan sekolah Cina boleh memilih bahasa Mandarin sebagai salah satu daripada jenis bahasa yang akan wujud dalam lakuan pengalihan

kod dan percampuran kodnya, semasa mereka berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang yang memahami bahasa Mandarin. Keadaan yang sama juga telah berlaku kepada bahasa Inggeris. Di samping persamaan ini wujud juga perbezaan, iaitu bahasa Mandarin wujud dalam lakuan pengalihan kod dan percampuran kod, tetapi bahasa Inggeris hanya wujud dalam lakuan percampuran kod sahaja (Lihat jadual 4.3, bahagian 4.2.2). Ini mungkin dapat dikaitkan dengan sikap penutur dan juga sistem pendidikan negara ini yang kurang memberi motivasi kepada para pelajar untuk menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam aspek pengalihan kod dan percampuran kod, satu keadaan yang cukup jelas ialah kaum wanitanya yang dapat menguasai bahasa Mandarin lebih suka melakukan pengalihan kod dengan menggunakan bahasa Mandarin. Kajian ini selari dengan kajian Trudgill, Labov, Wolfram dan lain-lain yang mengatakan kaum wanita lebih cenderung menggunakan bahasa standard atau bentuk prestij dalam pertuturan mereka. Sensitiviti kaum wanita dari segi pemilihan bahasa dan penggunaan bahasa dalam komunikasi cukup jelas. Mereka bukan sahaja cuba menggunakan bahasa yang berprestij tetapi juga bahasa yang dapat melambangkan identiti kaum. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati kaum wanita yang berpendidikan cuba meminimumkan penggunaan bahasa Melayu Kelantan dengan menggantikannya dengan bahasa Mandarin, bahasa Inggeris ataupun bahasa Hokkien tulen. Fenomena pemilihan bahasa yang dianggap sebagai bahasa berprestij boleh dianggap sebagai fenomena sejagat.

Sungguhpun lakuan pengalihan kod ini adakalanya berlaku dalam lakuan berbahasa di kalangan responden di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan, namun pengalihan kod jarang berlaku secara sepenuhnya. Ini bermakna dalam perbualan yang terdapat di kalangan

komuniti itu, lakuan pengalihan kod itu jarang berlaku dalam seluruh perbualan itu atau tidak berlaku dalam setiap ujaran atau ayat yang diujarkan oleh penutur itu. Sebaliknya perlakuan berbahasa ini hanya wujud dalam beberapa ayat dalam sesuatu perbualan sahaja.

Ringkasnya, lakuan pengalihan kod dan percampuran kod yang berlaku di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan tidak akan pupus selagi komuniti ini merupakan sebuah masyarakat yang terbuka dan sentiasa terdedah kepada bahasa-bahasa lain. Perbezaan antara pengalihan kod dan percampuran kod masa dulu dengan masa hadapan hanya terdiri daripada jenis bahasa yang akan terdapat dalam setiap fenomena itu. Di sini faktor pendidikan memainkan peranan yang penting, ia telah memperkaya lagi jenis bahasa yang akan digunakan oleh seseorang penutur semasa melakukan setiap fenomena itu.

5.2 Kajian Lanjutan

Memandangkan kajian tentang pengalihan kod dan pecampuran kod yang berlaku di kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan ini hanya mampu menumpukan perhatian kepada pengaruh angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan sahaja maka banyak lagi aspek sosiolinguistik yang dapat dikaji dalam komuniti ini. Satu lagi aspek menarik adalah tentang strategi-strategi komunikasi seperti *turn-taking*. Hal ini menarik kerana kita dapat melihat bagaimana sesuatu komunikasi itu berlaku dalam konteks yang berbeza. Di samping itu juga pengkaji akan datang boleh mengkaji bahasa seksis dalam komuniti ini. Ini kerana sehingga kini belum ada kajian yang dilakukan dalam aspek ini.

Sebenarnya masih terdapat banyak lagi aspek bahasa kaum minoriti yang belum dikaji secara ilmiah. Satu aspek yang menarik ialah para pengkaji masa hadapan boleh melakukan kajian secara perbandingan antara komuniti-komuniti minoriti yang wujud di negeri Kelantan, misalnya antara komuniti Cina Peranakan dengan komuniti Thai. Kajian ini menarik untuk membuktikan kaum minoriti manakah yang lebih kerap melakukan percampuran kod dan pengalihan kod serta jenis-jenis bahasa yang digunakan dalam perlakuan berbahasa itu.

Dari segi aspek psikolinguistik, pengkaji boleh menjalankan kajian tentang kesan lakuan pengalihan kod dan percampuran kod terhadap proses pembelajaran bahasa dan pengajaran bahasa pertama dan bahasa kedua dalam komuniti tersebut. Pengaruh angkubah sosial seperti latar, peserta, fungsi interaksi yang berlaku dan nilai dengan frekuensi pengalihan kod dan percampuran kod di kalangan komuniti itu juga boleh dikaji oleh penyelidik masa hadapan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang perlakuan berbahasa dalam sesuatu komuniti.

Satu lagi aspek yang boleh dikaji oleh pengkaji masa hadapan ialah kajian secara *word counts* dalam wacana komuniti Cina Peranakan Kelantan untuk memperlihatkan secara kuantitatif pengaruh bahasa Melayu dalam fenomena pengalihan kod dan percampuran kod dalam semua komuniti Cina Peranakan di Kelantan.. Hal ini menarik kerana kawasan petempatan dan jumlah komposisi penduduk boleh mempengaruhi bahasa dalam komuniti tersebut. Sebagai contoh, pengkaji boleh membandingkan penggunaan bahasa di antara komuniti Cina Peranakan Kelantan di sepanjang Sungai Kelantan dengan komuniti Cina Peranakan lain yang tidak menetap di pinggir Sungai Kelantan.